



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SKUAD WAJA MEMPERKASA SISWA TANGANI ISU KEGANASAN TERHADAP WANITA

KOTA BHARU, 15 OKTOBER 2025 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) hari ini menganjurkan Program Skuad Waja Siswa Negeri Kelantan 2025 bertempat di Dewan Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan. Majlis perasmian disempurnakan oleh Dr. Faridah binti Awang, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Hadir sama Naib Canselor UMK, YBhg. Dato' Prof. Ir. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) serta wakil Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri serta lebih 500 mahasiswa daripada pelbagai institusi pengajian tinggi awam di Kelantan.

Dalam majlis yang sama turut menyaksikan pelancaran aplikasi Skuad Waja Siswa @ UMK, sebuah inisiatif digital yang dibangunkan bagi memperkukuh jaringan komunikasi dan pelaporan dalam kalangan ahli Skuad Waja di institusi pengajian tinggi. Aplikasi ini berfungsi sebagai platform interaktif untuk penyebaran maklumat, latihan kesedaran, pendaftaran keahlian serta saluran aduan yang lebih mudah dan selamat bagi mahasiswa.

Objektif utama Skuad Waja Siswa adalah memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang kepentingan pendidikan kesihatan reproduktif, memperluas peranan Skuad Waja kepada komuniti kampus, serta melatih golongan muda menangani gejala sosial dan jenayah di IPT. Sehingga kini

sebanyak 2,129 mahasiswa di seluruh negara telah mendaftar sebagai ahli Skuad Waja.

Dalam ucapan beliau menegaskan bahawa peningkatan kes gangguan seksual, buli, kehamilan luar nikah dan penularan HIV dalam kalangan remaja perlu diberi perhatian serius. Beliau turut menekankan tentang pewartaan Akta Antigangguan Seksual 2022(Akta 840) serta penubuhan Tribunal Anti-Gangguan Seksual (TAGS) sebagai mekanisme melindungi mangsa.

Sehingga kini, seramai 339,514 ahli telah menyertai Skuad Waja di seluruh negara termasuk 2,129 mahasiswa IPT. Penyertaan aktif ini memperlihatkan komitmen belia kampus untuk menjadikan universiti sebagai komuniti yang selamat, prihatin dan bebas jenayah.

KPWKM melalui JPW yakin penganjuran program ini mampu melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga berani bersuara, peka terhadap isu semasa dan berperanan sebagai benteng masyarakat daripada gejala jenayah.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN PEMBANGUNAN WANITA (JPW)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

15 OKTOBER 2025